

Johor perluas program rebat air

BATU PAHAT- Kerajaan negeri Johor memperluaskan program rebat air dengan menambah bilangan penerimanya daripada 832 kepada 5,000 orang melibatkan peruntukan sebanyak RM2.4 juta setahun.

Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, seramai 5,000 penerima yang dikenal pasti itu akan menerima rebat air sebanyak 25 meter padu sebulan bermula pada tahun ini.

"Penerima program rebat air yang dilaksanakan kerajaan negeri menerusi Syarikat Air Johor (SAJ) merupakan mereka yang berdaftar dengan e-Kasih dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa)," ka-

tanya di sini semalam.

Beliau yang sedang di dalam rangka lawatan kerja sehari ke Batu Pahat berkata demikian selepas melancarkan program rebat air peringkat negeri Johor di Dewan Muafakat, Parit Semarang di sini.

Mohamed Khaled berkata, program rebat air kerajaan negeri itu dilancarkan pada 2010 dengan peruntukan sebanyak RM120,000 setahun yang mana penerima menerima rebat air di antara 10 hingga 20 meter padu sebulan.

Penerima program rebat air itu merupakan golongan miskin dan miskin tegar serta masyarakat Orang Asli di Johor, katanya.

Sementara itu, beliau juga ber-

kata, kerajaan negeri dan Persekutuan akan membelanjakan sebanyak RM36 juta untuk menaiktaraf Empangan Bekok di sini supaya ia berkemampuan menampung permintaan air penduduk daerah itu sehingga 2050.

"Ia merupakan perancangan kita untuk menjamin bekalan air yang berkualiti di daerah Batu Pahat sehingga tahun 2050 dan memastikan apa yang berlaku di Selangor tidak berlaku di Johor," katanya.

Mohamed Khaled berkata, kerajaan negeri akan memastikan segala perancangan pembangunan negeri adalah selaras dengan pencapaiannya dan tidak ada rakyat yang terpinggir. - Bernama



MOHAMED KHALED menyampaikan surat tawaran rebat air kepada salah seorang penerima pada Majlis Pelancaran Pemberian Rebate Air Peringkat Negeri Johor di Batu Pahat, Johor semalam.